

7) PROJEK PERUMAHAN AWAM BAHARU DI BAWAH KPKT UNTUK SELANGOR

Adun : Y.B. Tuan Syed Ahmad Bin Abdul Rahman Alhadad (Lembah Jaya)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Adakah terdapat projek perumahan kos rendah baharu oleh KPKT dalam kawasan Ampang di bawah RMK terkini, dan apakah status pelaksanaannya?**

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Mei 2025 tiada sebarang rekod pembangunan perumahan kos rendah baharu di kawasan Ampang yang dilaksanakan khusus oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).